



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

## BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2023/2024 : SEKILAS DATA



2  
NEGERI



9  
DAERAH



2,376  
KELUARGA




8,578  
MANGSA



78  
PPS AKTIF



3\*  
KEMATIAN



### PETUNJUK

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah

### INDIKATOR MANGSA (ORANG)

- 1 – 1,000
- 1,001 – 5,000
- Melebihi 5,000

\*Catatan : Data kematian adalah kumulatif sejak 26 November 2023



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024



## SITUASI TERKINI

- Sehingga **8 Januari 2024, jam 12.00 tengah hari**, terdapat **sembilan (9) daerah** di **dua (2) negeri (Pahang dan Johor)** masih dilanda banjir dengan **peningkatan ketara jumlah mangsa** kepada **8,578 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **465 mangsa** pada **7 Januari 2024**). Ia melibatkan **2,376 keluarga** yang ditempatkan di **78 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka **bertambah** berbanding **11 PPS** pada **7 Januari 2024**.
- Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas** adalah di negeri **Johor**, iaitu **Kota Tinggi (3,796 mangsa), Johor Bahru (1,837 mangsa)** dan **Kluang (1,635 mangsa)**.
- Profil ketiga-tiga daerah tersebut berdasarkan **Dashboard Bencana** yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Terdapat **tiga (3) kematian** akibat banjir MTL yang melibatkan **satu (1) kanak-kanak lelaki di Kota Bharu, Kelantan (26 November 2023)**, **satu (1) kanak-kanak perempuan di Pasir Mas, Kelantan (24 Disember 2023)** dan **satu (1) kanak-kanak perempuan di Pasir Mas, Kelantan (26 Disember 2023)** direkodkan setakat ini.

- Sehingga **8 Januari 2024, jam 2.00 petang**, terdapat **16 sungai** yang mencatatkan kenaikan aras air **melebihi tahap bahaya**, iaitu:

1. Sg. Pahang di Kuala Sg. Chini, Pekan, PAHANG
2. Sg. Keratong di Jam. Bahau Keratong, Rompin, PAHANG
3. Sg. Serting di Jam. Pdg. Gudang, Bera, PAHANG
4. Sg. Jempol di Ran Felda Jengka, Maran, PAHANG
5. Sg. Luit di Kg. Subuh, Maran, PAHANG
6. Sg. Keratong di Jalan Kota Bahagia, Rompin, PAHANG
7. Sg. Rompin di Jam. Kuantan/Segamat, Rompin, PAHANG
8. Sg. Mentiga di Jam. Chini, Pekan, PAHANG
9. Sg. Lepar di Jambatan Gelugor, Kuantan, PAHANG
10. Sg. Linggiu di Linggiu, Kota Tinggi, JOHOR
11. Sg. Siam di Kg. Sg. Siam, Kulai, JOHOR
12. Sg. Kahang di Kg. Contoh, Kluang, JOHOR
13. Sg. Johor di Kota Tinggi, Kota Tinggi, JOHOR
14. Sg. Kepala Orang di Kg. Sri Jaya, Kota Tinggi, JOHOR
15. Sg. Johor di Rantau Panjang, Kota Tinggi, JOHOR
16. Sg. Anak Bukit di Jambatan TAR, Kota Setar, KEDAH



## MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga (3) stesen meteorologi utama** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **7 Januari 2024** adalah **Muadzam Shah, Pahang (274.4 mm)**, **Senai, Johor (139.2 mm)** dan **Kuantan, Pahang (110.6 mm)**. **Jumlah hujan harian tertinggi untuk tempoh tujuh (7) hari lepas** adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Berdasarkan analisis model-model cuaca, **penumpuan angin timuran** dijangka berlaku di **Pahang dan Johor sehingga 9 Januari 2024** serta di **Sarawak sehingga 12 Januari 2024**. Keadaan ini boleh menyebabkan peningkatan kelembapan yang berpotensi membawa hujan berterusan di kawasan terbabit.
- MET Malaysia telah mengemaskini **Amaran Hujan Berterusan (Waspada)** yang melibatkan **timur Pahang dan Johor** berkuat kuasa **sehingga 9 Januari 2024** manakala di **Sarawak** berkuat kuasa **pada 11 hingga 12 Januari 2024**.
- Tiada amaran banjir terkini yang masih berkuat kuasa** dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) **sehingga 8 Januari 2024, 12.00 tengah hari**.



## IMPAK

- Bagi tempoh **11 November 2023 hingga 8 Januari 2024**, secara kumulatif seramai **21,767 keluarga** dan **71,759 mangsa** telah ditempatkan di PPS.
- Anggaran bilangan rumah yang masih terkesan dengan banjir MTL pada **8 Januari 2024** adalah sebanyak **2,376 buah rumah**.
- Berdasarkan rekod kawasan hotspot dan cerun kritisik Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) pada **8 Januari 2024**, terdapat kawasan yang berisiko mengalami tanah runtuh di kawasan yang sedang dilanda banjir, iaitu di **Kota Tinggi, Johor**.
- Sehingga **7 Januari 2024**, terdapat **15** kejadian tanah runtuh di seluruh Malaysia direkodkan, iaitu **enam (6) di Pahang, empat (4) di Selangor, satu (1) di Kuala Lumpur, satu (1) di Johor, satu (1) di Terengganu, satu (1) di Sarawak** dan **satu (1) di Kelantan**.
- Berdasarkan laporan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga **8 Januari 2024, jam 10.00 pagi**, **23 sekolah rendah** dan **dua (2) sekolah menengah** di seluruh Malaysia masih terlibat dengan banjir.
- Terdapat **29 institusi pendidikan** masih dijadikan PPS yang melibatkan **24 sekolah rendah** dan **satu (1) kolej vokasional di Johor** serta **empat (4) sekolah rendah di Pahang**.



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024



## IMPAK

- Manakala **227 murid** dan **satu (1) guru** masih berada di PPS, iaitu **218 murid** dan **satu (1) guru di Johor** serta **sembilan (9) murid di Pahang**.
- Setakat **8 Januari 2024**, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menutup bekalan di beberapa pencawang elektrik bagi memastikan keselamatan para pengguna. Terdapat **43 kawasan di Johor yang tidak mendapat bekalan elektrik** akibat penutupan bekalan oleh TNB demi keselamatan pengguna setempat. Senarai kawasan tersebut adalah seperti di **Lampiran 3**.
- Sekiranya banjir semakin bertambah buruk, berisiko serta membahayakan keadaan, penutupan bekalan akan dilakukan di pencawang elektrik yang terlibat bagi memastikan keselamatan pengguna setempat.
- Tiada PPS yang terjejas bekalan elektrik** di kawasan yang dilanda banjir dengan pembekalan elektrik dari sistem grid sepenuhnya dan **mobile genset** akan digunakan sekiranya perlu.
- Berdasarkan laporan **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** pada **8 Januari 2024**, terdapat **satu (1) fasiliti kesihatan yang terjejas banjir**, iaitu di negeri **Johor**. Walau bagaimanapun, fasiliti tersebut telah kembali beroperasi pada hari yang sama. Ini menjadikan **jumlah kumulatif fasiliti kesihatan terjejas** adalah **52**, yang mana kesemuanya telah beroperasi semula, iaitu di **Kelantan (23), Pahang (17), Terengganu (11) dan Johor (1)**.
- Maklumat yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) berhubung **jalan yang ditutup** dan **penyediaan jalan alternatif** di kawasan yang dilanda banjir sehingga **8 Januari 2024, jam 10.00 pagi** adalah seperti di **Lampiran 4**.
- Makluman terkini **status amaran awal tanah runtu** melalui Sistem Amaran Awal (SAA) Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR **sehingga 30 Disember 2023** adalah seperti di **Lampiran 5**.
- Berdasarkan laporan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), sehingga **21 Disember 2023**, secara kumulatif anggaran keluasan kawasan pertanian yang terjejas akibat banjir MTL di seluruh negara adalah **4,893.73 hektar** dengan anggaran nilai kerosakan sebanyak **RM22,823,601.00** dan melibatkan **2,269 orang petani**.



## PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaras semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **1,620,855 mangsa** di seluruh negara.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi dan **fasiliti penyimpanan barang keperluan bencana yang disediakan** oleh JKM adalah seperti di **Lampiran 6**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.
- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah makanan berbungkus (*packed food*) dan bantuan gotong royong dengan kebenaran JPBD dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah barang keperluan asas seperti kain batik, kain pelikat, kit kebersihan dan kit minuman.
- JKM juga memperkenalkan makanan retort sebagai makanan pemula kepada mangsa yang berpindah ke PPS.
- Tindakan awal yang telah diambil oleh JPS ialah menyediakan pam air di lokasi PPS yang terlibat banjir. Setakat ini, penggunaan pam air masih belum digunakan di negeri Johor dan JPS Johor akan memantau keadaan banjir terkini dan akan menggunakan pam sekiranya diperlukan.



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024



## PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2023/2024.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 7**.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



## NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA



- Tip Keselamatan Banjir :
  - ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
  - ✓ Segera berpindah ke PPS yang disediakan apabila diarahkan;
  - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
  - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
  - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>



## MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Sehingga **8 Januari 2024, jam 12.00 tengahari**, terdapat **31 NGO** yang berdaftar di bawah **Rakan NADMA** telah menyalurkan bantuan seperti **makanan, kit kebersihan, khidmat kaunseling, khidmat pembersihan, perubatan dan keperluan bayi**.
- Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh **Seksyen Pembangunan Komuniti dan Sosial (SPKS) NADMA** pada **3 Januari 2024**. Seramai **2634 orang sukarelawan** NGO Rakan NADMA telah terlibat dengan **202 misi bantuan** di seluruh negara.
- **Negeri Kelantan** mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak **114 misi bantuan**, di ikuti negeri **Terengganu (55 misi bantuan)**, negeri **Pahang (20 misi bantuan)**, negeri **Johor (9 misi bantuan)**, negeri **Perak, Selangor dan Negeri Sembilan (2 misi bantuan)**.
- Misi bantuan NGO Rakan NADMA meliputi bantuan **makanan sebanyak 48%, kit kebersihan 16%, khidmat kaunseling 10%, khidmat pembersihan 9%, pasukan perubatan 8%, keperluan bayi 5%, alat komunikasi 3% dan pakaian 1%**.



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

**Lampiran 1**

## PROFIL TIGA (3) KAWASAN YANG PALING TERUK TERJEJAS AKIBAT BANJIR MTL BERDASARKAN DASHBOARD BENCANA NADMA

| BIL. | DAERAH      | JUMLAH PENDUDUK | JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN | JUMLAH ISI RUMAH | SEKOLAH | FASILITI KESIHATAN | JUMLAH PPS | JUMLAH HOTSPOT BANJIR |
|------|-------------|-----------------|------------------------|------------------|---------|--------------------|------------|-----------------------|
| 1.   | Kota Tinggi | 250,481         | 79,245                 | 65,342           | 107     | 45                 | 125        | 56                    |
| 2.   | Johor Bahru | 1,758,697       | 618,358                | 468,298          | 266     | 38                 | 113        | 44                    |
| 3.   | Kluang      | 356,175         | 104,080                | 90,452           | 113     | 28                 | 155        | 78                    |



# LAPORAN HARIAN BENCANA


AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

Lampiran 2

## JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI UNTUK TEMPOH TUJUH (7) HARI LEPAS (mm)





# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

**Lampiran 3**

## SENARAI KAWASAN YANG DIPUTUSKAN BEKALAN ELEKTRIK AKIBAT BANJIR

### **KOTA TINGGI, JOHOR**

1. Taman Kuso
2. Sarang Burung Layang
3. Pusat Bandar Kota Tinggi
4. Taman Ria
5. Taman Medan Indah
6. Perumahan Panti
7. Taman Aman
8. Taman Kota Baru
9. Taman Mawai Jaya
10. Kip Mart Kota Tinggi
11. SAJ Holding
12. Pejabat Multimax
13. Bazar Kota Tinggi
14. Mitaprop
15. Perumahan Panti
16. Riverside
17. Sg Kemang
18. Ho Hup
19. Tun Habab, Taman Sri Lalang
20. Taman Aman
21. Kg Sungai Berangan
22. Kg Gembut
23. Kg Perpat
24. Kg Teluk Ramunia
25. Bukit Raja

### **KOTA TINGGI, JOHOR**

26. Kg Semanggar Luar
27. Kg Semanggar Dalam
28. Kg Tersusun Seri Delima
29. Kg Sri Jaya
30. Kg Teluk Ramunia
31. Bukit Raja
32. Kg Temenin Baru, Madrasah Tahfiz Annaurah
33. Taman Kemang
34. Kg. Kelantan
35. Kg Tembioh
36. Taman Aman
37. Kg Baru Pasak
38. Kg Seluyut Hilir
39. Taman Mawai
40. Kg Makam

### **JOHOR BAHRU, JOHOR**

1. Kg Paya Kenangan
2. Kg Maju Jaya
3. Taman Ulam Raja



# LAPORAN HARIAN BENCANA

## **AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)**

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

## MAKLUMAT SITUASI JALAN UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

Lampiran 4

JKR MALAYSIA : Laporan Bencana Pada 08-01-2024@10:00 AM

| BIL          | DAERAH      | NO LALUAN | SEKSYEN      | TARIKH KEJADIAN  | NAMA JALAN                      | LOKASI KEJADIAN                               | JENIS KEJADIAN<br>B - BANJIR<br>BK - BANJIR KILAT<br>CR - CERUN RUNTUH<br>JR - JALAN RUNTUH<br>JM - JALAN MENDAP<br>JBTR - JAMBATAN RUNTUH/ROSAK | JALAN ALTERNATIF                                  | STATUS LALUAN<br>T: DITUTUP kepada semua kenderaan<br>B1 : DIBUKA kepada kenderaan BERAT sahaja<br>B2 : Jalan DIBUKA kepada kenderaan RINGAN sahaja<br>B3 : Jalan DIBUKA satu lorong sahaja |
|--------------|-------------|-----------|--------------|------------------|---------------------------------|---|--|---|---|
| <b>JOHOR</b> |             |           |              |                  |                                 |   |  |   |   |
| 1            | Segamat     | J156      | 6.00 - 8.90  | 8/1/2024 9:11    | Jalan Jabi - Bukit Tempurung    | Kebun pisang dan paya                         | B  | Tiada   | T   |
| 2            | Kota Tinggi | FT099     | 38.7 -       | 7/1/2024 23:20   | JALAN LOK HENG/MAWAI/SG.MAS     |   | CR   | Tiada   | T   |
| 3            | Kota Tinggi | J245      | 0.00 - 0.70  | 7/1/2024 0:00    | JALAN TUN SRI LANANG            | BY PASS                                       | B  | FT003 KOTA TINGGI -MERSING (BY PASS)              | T   |
| 4            | Johor Bahru | J101      | 4 - 4.10     | 7/1/2024 12:00   | Jalan Kangkar Tebrau            |   | B  | Tiada   | T   |
| 5            | Kota Tinggi | FT409     | 4.0 - 4.10   | 7/1/2024 0:00    | JALAN PUNGGAJ                   | P4  | B  | Tiada   | B1  |
| 6            | Kota Tinggi | J224      | 2.5 - 2.6    | 7/1/2024 0:00    | JALAN SEMANGAR (JAMBATAN)       | LOJI SEMANGGAR                                | B  | Tiada   | B1  |
| 7            | Johor Bahru | J105      | 11 -         | 7/1/2024 9:00    | Jalan Maju Jaya Seelong         | JL Piling Construction Sdn Bhd                | B  | Tiada   | T   |
| 8            | Mersing     | FT003     | 100 - 101    | 7/1/2024 2:00    | JALAN MERSING - ENDAU (Mersing) | jambatan sungai ambat/Risda/padang tenusu JDV | B  | Melalui Jalan Kluang - Kahang ke Nitar/Jemaluang. | B3  |
| 9            | Kota Tinggi | J210      | 2.5 - 2.6    | 7/1/2024 14:00   | Jalan Petri Jaya                | SEBELUM PONDOK PENGAWAL                       | CR   | Tiada   | B3  |
| 10           | Kluang      | FT050     | 62.6 -       | 7/1/2024 12:21   | Jalan Batu Pahat - Mersing      | KILANG KAIN                                   | BK   | Tiada   | T   |
| 11           | Kluang      | FT091     | 73.1 -       | 7/1/2024 10:55   | JALAN KOTA TINGGI - KLUANG      | LADANG SINDORA                                | B  | Tiada   | B3  |
| 12           | Johor Bahru | J105      | 12-Nov       | 7/1/2024 0:00    | Jalan Maju Jaya Seelong         |   | B  | Tiada   | T   |
| 13           | Johor Bahru | FT003     | 21 - 21.5    | 7/1/2024 9:00    | Jalan JB-Mersing                |   | B  | Tiada   | B2  |
| 14           | Kota Tinggi | J172      | 1.80 - 1.95  | 4/1/2024 0:00    | JALAN MAWAI LAMA                | SEBELUM TOKONG CINA                           | B  | Tiada   | B1  |
| 15           | Mersing     | FT003     | 138 - 138    | 4/1/2024 22:00   | JALAN MERSING - ENDAU (Mersing) | Desa Bina Diri Mersing                        | CR   | Tiada   | B3  |
| 16           | Kluang      | FT091     | 89.2 - 89.2  | 28-12-2023 14:00 | JALAN KOTA TINGGI - KLUANG      | SEBELUM HOSPITAL ENCHE BESAR HJJ KALSOM       | CR   | Tiada   | T   |
| 17           | Kluang      | FT091     | 89.3 - 89.3  | 29-12-2023 14:30 | JALAN KOTA TINGGI - KLUANG      |   | CR   | Tiada   | T   |
| 18           | Kluang      | FT091     | 88.00 - 88.0 | 11/12/2023 11:00 | JALAN KOTA TINGGI - KLUANG      | selepas shell jalan kota tinggi               | CR   | Tiada   | B3  |
| 19           | Kluang      | FT184     | 5.9 - 5.9    | 3/1/2024 10:00   | Jalan Padang Tembak             |   | CR   | Tiada   | T   |



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

Lampiran 4

## MAKLUMAT SITUASI JALAN UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

JKR MALAYSIA : Laporan Bencana Pada 08-01-2024@10:00 AM

| BIL             | DAERAH      | NO LALUAN | SEKSYEN       | TARIKH KEJADIAN  | NAMA JALAN   | LOKASI KEJADIAN   | JENIS KEJADIAN<br>B - BANJIR<br>BK - BANJIR KILAT<br>CR - CERUN RUNTUH<br>JR - JALAN RUNTUH<br>JM - JALAN MENDAP<br>JBTR - JAMBATAN RUNTUH/ROSAK | JALAN ALTERNATIF                                  | STATUS LALUAN<br>T: DITUTUP kepada semua Kenderaan<br>B1 : DIBUKA kepada kenderaan BERAT sahaja<br>B2 : Jalan DIBUKA kepada kenderaan RINGAN sahaja<br>B3 : Jalan DIBUKA satu lorong sahaja |
|-----------------|-------------|-----------|---------------|------------------|--|---|--|---|---|
| <b>KEDAH</b>    |             |           |               |                  |  |   |  |   |   |
| 1               | Kubang Pasu | 277       | 6.5 - 6.5     | 12/11/2023 8:00  | Jalan Bukit Kayu Hitam-Bukit Tangga-Sintok                 | Sebelum Kolej Pertanian Bukit Tangga  | JR   | Tiada   | B3  |
| 2               | Baling      | K171      | -             | 27-09-2023 21:00 | JALAN KUPANG/IBOI/KG TANJUNG LUAS                          | Jambatan bailey Kampung Iboi  | JBTR   | Ada   | B2  |
| JUMLAH KEDAH    |             |           |               |                  |  |   |  |   | 2   |
| <b>KELANTAN</b> |             |           |               |                  |  |   |  |   |   |
| 1               | Jeli        | FT066     | 73.850 - 74.0 | 1/1/2024 16:00   | Jalan Sungai Sam Ke Dabong                                 | SINKHOLE KUBUR DATU   | JR   | FT008 JALAN GUA MUSANG - KUALA KRAI - KOTA BHARU  | T   |
| 2               | Kuala Krai  | D225      | 1.8 - 1.9     | 28-12-2023 16:30 | Jalan dari Simpang Tiga Sg. Pahi ke Simpang Tiga Kg. Peria | Kg. Temalir   | JR   | Jalan Guchil / Batu Balai / Simpang Tiga Sg. Pahi | B3  |
| 3               | Kuala Krai  | D226      | 6.80 - 6.83   | 15-12-2023 14:00 | Jalan Sg. Sok - Chucuh Puteri                              | Lata Pauh   | CR   | Tiada   | B3  |
| JUMLAH KELANTAN |             |           |               |                  |  |   |  |   | 3   |
| <b>PAHANG</b>   |             |           |               |                  |  |   |  |   |   |
| 1               | Maran       | C133      | 3.6 - 3.8     | 8/1/2024 8:00    | Jalan Serengkam  | kandang kambing Kg Bak-bak  | B  | jalan lubuk paku                                  | T   |
| 2               | Maran       | C133      | 14 - 14.1     | 8/1/2024 9:00    | Jalan Serengkam  | Simpang Ke Jalan Belimbing. koordinat: 3.507357, 102.836735                   | B  | Jalan Lubuk Paku                                  | B1  |
| 3               | Maran       | C133      | 12.20 -       | 8/1/2024 9:00    | Jalan Serengkam  | Kg Orang Asli Merbau. koordinat: 3.515749, 102.829652                         | B  | C21 Jalan Lubuk Paku                              | B1  |
| 4               | Rompin      | C001      | 8.0 - 8.0     | 7/1/2024 14:00   | Jalan Tebu Hitam   | LADANG KELAPA SAWIT   | B  | TIADA   | B1  |
| 5               | Rompin      | 0         | 0.5 - 0.5     | 7/1/2024 12:00   | Jalan Pintasan Aur   | JAMBATAN  | B  | Tiada   | T   |
| 6               | Rompin      | C105      | 1.5 - 1.5     | 7/1/2024 12:00   | Jalan Sepayang, Rompin                                     | SARANG BURUNG   | B  | FT2488  | T   |
| 7               | Maran       | FT64      | 126.4 -       | 8/1/2024 8:00    | JALAN JERANTUT - MARAN                                     | Kampung Jara  | B  | ft62 jalan bukit tajau-bandar pusat jengka        | T   |
| 8               | Maran       | FT64      | 121.2 -       | 8/3/2023 8:00    | JALAN JERANTUT - MARAN                                     | SIMPANG LIYANA TOMYAM   | B  | ft62 jalan bukit tajau- bandar pusat jengka       | T   |
| 9               | Pekan       | FT003     | 261 - 261     | 5/1/2024 12:00   | Jalan Pekan-Nenasi - Rompin                                | AGRO BAZAR NENAS PEKAN/ SOLAR   | B  | FT82 PEKAN - BATU BALIK / GAMBANG - SEGAMAT       | T   |
| 10              | Pekan       | C106A     | 10.6 - 21.9   | 27-12-2023 08:00 | Jalan Perlak - Chempaka - Belimbing, Pekan                 | Lokasi/Landmark: Kg Batu Ampar, Kg. Sijar, Kg. Sepinang. Koordinat : 3.477993 | B  | FT 12 JALAN GAMBANG SEGAMAT                       | B1  |
| 11              | Pekan       | C108      | 24.0 - 24.0   | 7/1/2024 0:00    | Jalan Kuala Mentiga - Terapai, Pekan                       | FELDA PLANTATION TERAPAI  | B  | FT12 KUANTAN - SEGAMAT                            | T   |
| 12              | Pekan       | C108      | 2.2 - 2.2     | 7/1/2024 0:00    | Jalan Kuala Mentiga - Terapai, Pekan                       | Kg.Mambang  | B  | FT 12 KUANTAN - SEGAMAT                           | T   |
| 13              | Pekan       | FT012     | 102 -         | 7/1/2024 0:00    | Lebuhraya Kuantan - Segamat (Lebuhraya Tun Razak)          | BURUNG UNTA   | JM   | FT63 MUADZAM SHAH - LEBAN CHONDONG                | T   |



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

Lampiran 4

## MAKLUMAT SITUASI JALAN UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

### JKR MALAYSIA : Laporan Bencana Pada 08-01-2024@10:00 AM

| BIL                | DAERAH        | NO LALUAN | SEKSYEN     | TARIKH KEJADIAN  | NAMA JALAN                                      | LOKASI KEJADIAN  | JENIS KEJADIAN<br>B - BANJIR<br>BK - BANJIR KILAT<br>CR - CERUN RUNTUH<br>JR - JALAN RUNTUH<br>JM - JALAN MENDAP<br>JBTR - JAMBATAN RUNTUH/ROSAK | JALAN ALTERNATIF   | STATUS LALUAN<br>T: DITUTUP kepada semua Kenderaan<br>B1 : DIBUKA kepada kenderaan BERAT sahaja<br>B2 : Jalan DIBUKA kepada kenderaan RINGAN sahaja<br>B3 : Jalan DIBUKA satu lorong sahaja |
|--------------------|---------------|-----------|-------------|------------------|---|--|--|--|---|
| 14                 | Pekan         | Tiada     | 1.0 - 1.0   | 7/1/2024 0:00    | Jalan Salong - Chini                            | Kg. Baru Salong  | B  | Tiada  | T   |
| 15                 | Temerloh      | FT98      | 29.90 -     | 28-12-2023 09:00 | JALAN TEMERLOH-JERANTUT                         | tapak pekan sehari kuala krau                                | JBTR   | Laluan kontra diaktifkan ke jambatan baru kuala krau                     | T   |
| 16                 | Pekan         | C108      | 32.4 - 32.4 | 4/10/2023 14:00  | Jalan Kuala Mentiga - Terapai, Pekan            | SEMPADAN PEKAN - MARAN. Lokasi GPS [ 3.477535 : 102.825325 ] | JR   | FT12 JALAN GAMBANG SEGAMAT / FT2 JALAN MARAN TEMERLOH / C23 JALAN CHENOR | T   |
| JUMLAH PAHANG      |               |           |             |                  |   |  |  |  | 16  |
| <b>PERAK</b>       |               |           |             |                  |   |  |  |  |   |
| 1                  | Manjung       | Tiada     | -           | 4/1/2024 15:50   | Besout 4  |  | B  | Tiada  | T   |
| 2                  | Hulu Perak    | FT004     | 130 - 130   | 31-12-2023 16:50 | Jalan Raya Timur Barat (JRTB) Kupang-Gerik-Jeli | Jalan Baling-Gerik-Jeli                                      | CR   | Tiada  | B3  |
| 3                  | Batang Padang | 1152      | 3 -         | 6/11/2023 8:30   | Trolak Selatan                                  |  | CR   | Tiada  | B3  |
| JUMLAH PERAK       |               |           |             |                  |   |  |  |  | 3   |
| <b>SELANGOR</b>    |               |           |             |                  |   |  |  |  |   |
| 1                  | Kuala Langat  | B124      | -           | 16-10-2023 09:00 | Jalan Bukit Jugra                               | Hiking Bukit Jugra dan Balai Cerap                           | CR   | Tiada  | T   |
| JUMLAH SELANGOR    |               |           |             |                  |   |  |  |  | 1   |
| <b>TERENGGANU</b>  |               |           |             |                  |   |  |  |  |   |
| 1                  | Dungun        | T118      | 1.90 - 1.90 | 1/2/2024 8:00    | Jalan Durian Mentangau                          |  | JBTR   | FT132 JALAN CHE LIJAH-BUKIT BESI   | B3  |
| 2                  | Dungun        | FT132     | 22.40 -     | 30-12-2023 20:00 | Jalan Bukit Besi - Dungun                       |  | CR   | DIVERSION  | B3  |
| JUMLAH TERENGGANU  |               |           |             |                  |   |  |  |  | 2   |
| JUMLAH KESELURUHAN |               |           |             |                  |   |  |  |  | 46  |

| PETUNJUK                           |                   |
|------------------------------------|-------------------|
| Status Baru (Pindaan Status Lalu)  |                   |
| Status Baru (Pertambahan Kejadian) |                   |
| FT10                               | Jalan Persekutuan |
| A 20                               | Jalan Negeri      |



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

Lampiran 5

## MAKLUMAN TERKINI STATUS AMARAN AWAL TANAH RUNTUH

| No | Stesen ID | Lokasi   | Koordinat                    | Daerah/Negeri             | Status Amaran |
|----|-----------|--|------------------------------|---------------------------|---------------|
| 1  | A007      | Seksyen 44, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang (FT185)     | 4.593660 N,<br>101.342370 E. | Kinta, Perak              | AMARAN        |
| 2  | A009      | Seksyen 142.3, Lebuhraya Timur-Barat (FT004)             | 5.527460 N,<br>101.290710 E. | Hulu Perak, Perak         | BAHAYA        |
| 3  | C001      | Seksyen 48, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang (FT185)     | 4.584342 N,<br>101.362664 E. | Cameron Highlands, Pahang | AMARAN        |
| 4  | C005      | Rumah Transit JKR Selangor, Fraser Hills                 | 3.71146 N,<br>101.73351 E.   | Raub, Pahang              | AMARAN        |
| 5  | C006      | Kuarters JKR Sungai Burong, Brincang, Seksyen 63 (FT059) | 4.494731N,<br>101.394994 E.  | Cameron Highlands, Pahang | BAHAYA        |
| 6  | C011      | Seksyen 15, Jalan Ringlet – Sungai Koyan (FT102)         | 4.494731 N,<br>101.394994 E. | Cameron Highlands, Pahang | BAHAYA        |
| 7  | D001      | Seksyen 205.9, Lebuhraya Timur – Barat (FT004)           | 5.630308 N,<br>101.705246 E. | Jeli, Kelantan            | BAHAYA        |
| 8  | D002      | Seksyen 60.1, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang (FT185)   | 4.594914 N,<br>101.440414 E. | Gua Musang, Kelantan      | BAHAYA        |
| 9  | D003      | Seksyen 66, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang (FT185)     | 4.625670 N,<br>101.471980 E  | Gua Musang, Kelantan      | BAHAYA        |



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

Lampiran 6

## FASILITI PENYIMPANAN BARANG KEPERLUAN BENCANA JKM

| BIL.          | NEGERI            | DSKB     | STOR NEGERI | STOR DAERAH | MINI DEPOH / KONTENA | PANGKALAN HADAPAN |
|---------------|-------------------|----------|-------------|-------------|----------------------|-------------------|
| 1.            | Perlis            | -        | 1           | -           | -                    | 1                 |
| 2.            | Kedah             | 1        | -           | 6           | 7                    | -                 |
| 3.            | Pulau Pinang      | -        | -           | 5           | 2                    | 2                 |
| 4.            | Perak             | -        | 1           | 13          | 9                    | -                 |
| 5.            | Selangor          | 1        | -           | 12          | 2                    | 37                |
| 6.            | W.P. Kuala Lumpur | -        | 1           | 1           | 1                    | -                 |
| 7.            | Negeri Sembilan   | -        | 2           | 7           | -                    | -                 |
| 8.            | Melaka            | -        | 1           | 3           | 4                    | -                 |
| 9.            | Johor             | 1        | 1           | 10          | 3                    | 23                |
| 10.           | Pahang            | 1        | 1           | 11          | 14                   | 156               |
| 11.           | Terengganu        | 1        | -           | 9           | 13                   | 150               |
| 12.           | Kelantan          | 1        | -           | 17          | 5                    | 160               |
| 13.           | Sarawak           | 1        | -           | 12          | 3                    | 27                |
| 14.           | Sabah             | 1        | 1           | 21          | 5                    | 5                 |
| 15.           | W.P. Labuan       | -        | -           | 1           | -                    | -                 |
| <b>JUMLAH</b> |                   | <b>8</b> | <b>9</b>    | <b>128</b>  | <b>68</b>            | <b>561</b>        |

DSKB - Depot Simpanan Keperluan Bencana



# LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

8 JANUARI 2024

**Lampiran 7**

## JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

| BIL. | NEGERI | AGENSI                                       | ANGGOTA | ASET  |
|------|--------|--|---------|---|
| 1.   | JOHOR  | ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)               | 200     | 4x4: 5, SUV: 1, AMBULAN: 4, AMBULAN 4x4: 3, LORI: 3, LORI 3 TAN: 2, LORI 5 TAN: 2 |
|      |        | POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)                 | 85      | 4x4: 10, BOT: 5, LORI: 4  |
|      |        | JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) | 306     | 4x4: 15, BOT: 3, LORI: 5, FRT/LFRT: 32, EMRS: 11                                  |
|      |        | JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)          | 82      | BOT: 1  |
| 2.   | PAHANG | ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)               | 168     | 4x4: 4, BOT: 13, AMBULAN: 4, AMBULAN 4x4: 1, LORI 5 TAN: 3, LORI RQ: 1            |
|      |        | POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)                 | 54      | 4x4: 10, BOT: 1, VAN: 2, LORI: 3  |
|      |        | JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) | 128     | 4x4: 17, BOT: 3, VAN: 2, FRT/LFRT: 8, EMRS: 8                                     |
|      |        | JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)          | 4       | BOT: 1  |